

 Selasa, Mac 20 2018

Kastam kecewa GST dipersenda

UM 20/3

KUALA LUMPUR 19 Mac - Jabatan Kastam Diraja Malaysia selaku pemungut hasil cukai barang dan perkhidmatan (GST) kecewa dengan tindakan Lim Guan Eng yang sanggup melibatkan kanak-kanak yang masih belum mampu berfikir dengan matang dalam kempen anti-GST yang videonya tular di media sosial.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, perbuatan sedemikian sangat tidak wajar kerana kanak-kanak masih belum tahu apa-apa tentang percukaian.

"Beliau (Guan Eng) sebagai pemimpin perlu lebih bertanggungjawab.

"Cukup-cukuplah mempolitikkan isu ini. Cukai ini dilaksanakan bukan secara semberono. Kajian sahaja dibuat sehingga berdekad-dekad lamanya," luahnya dalam nada cukup kecewa ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sejak pelaksanaannya pada April 2015, GST berjaya menyumbang lebih RM100 bilion kepada pendapatan negara yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat

termasuk subsidi kesihatan, pendidikan dan bantuan kewangan untuk rakyat berpendapatan rendah.

Mengulas lanjut, Subromaniam menjelaskan, hasrat Pakatan Harapan untuk kembali kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) adalah satu langkah ke belakang memandangkan cukai tersebut tidak sesuai untuk digunakan dalam persekitaran ekonomi baharu dan digital.

Mengulas isu sama, pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Datuk Dr. Amir Hussin Baharuddin** berkata, sifat SST yang tidak menyeluruh akan memberi kesan kepada pendapatan negara memandangkan hasil cukai yang dikutip akan berkurang.

Ujarnya, keadaan tersebut akan merugikan bukan sahaja kerajaan, malah rakyat secara keseluruhannya.

"Apabila pendapatan kerajaan berkurang, kerajaan hilang upaya untuk membangunkan negara dan menyediakan bantuan kepada rakyat," katanya.



T. SUBROMANIAM

